



Kasih sayang penawar paling mujarab

Berita Harian 20/05/2010 M/S 19

Pesakit perlukan perhatian, sokongan ahli keluarga bagi melawan penyakit dihadapi

SEHIDUP semati hingga ke akhir hayat. Ayat cinta ini menjadi ungkapan rasmi sewaktu di alam percintaan. Pada masa ini lautan api pun sanggup direnangi. Semuanya baik-baik belaka. Kata orang, kentut pun berbau kasturi. Tidak cukup mahu hidup bersama sepanjang hayat, ditambah pula dengan janji keramat untuk susah senang bersama.

Janji ini jika dapat dikotakan, langkah bahagia hidup ini. Namun, menjadi hukum alam, langit tidak selalu cerah – ada waktunya janji dimungkiri. Kasih sayang berpanjangan sangat penting dalam hidup berumahtangga dan berkeluarga. Tautan kasih bukan saja pada waktu bercinta atau awal pernikahan, malah sepanjang hayat.

Saya bawakan perkara ini kerana tanpa kasih sayang daripada keluarga, terutama ibu, isteri dan anak-anak, tidak mungkin saya dapat mengharungi hidup bahagia dengan penyakit ini. Isteri dan anak terus memberi dorongan dan sokongan untuk saya menjalani hidup ini dalam serba keterbatasan. Mereka menjadi sebahagian kaki dan tangan saya dalam mengurus diri.

Kita perlu sedar, apakah yang diperlukan oleh seorang pesakit, khususnya berpenyakit kronik? Rawatan dengan berjumpa doktor dan mengambil ubat, bukan penawar sebenarnya. Orang sakit mahukan perhatian dan sokongan, khususnya daripada ahli keluarga. Inilah penawar paling mujarab – jika tidak dapat menyembuhkan, cukup sekadar melegakan penderitaan penyakit. Perkara ini hanya dapat dilakukan dengan wujudnya perasaan kasih sayang.

Dalam tempoh lebih tiga tahun, berulang-alik ke hospital, saya bertembung dengan pelbagai kisah pesakit. Ada cerita gembira, tidak kurang menghibakan. Apa pun, daripada pengalaman mereka, banyak bertemakan kasih sayang. Ada seorang pesakit wanita dice-raikan suami selepas dia mendapat kurap yang teruk.

Bertahun-tahun mendirikan mahligai hingga bercucu, akhirnya berpisah kerana si isteri berpenyakit kulit. Alasan si suami, geli melihat kurap isteri. Cerita yang satu ini pula, si isteri meminta dice-raikan selepas suaminya tidak bekerja kerana kerap keluar masuk hospital. Pasangan muda ini yang

belum dikurniakan cahaya mata tidak mampu mempertahankan rumah tangga mereka yang berusia tiga tahun apabila si suami tiba-tiba diserang penyakit kronik.

Tinggallah lelaki ini mengharungi penyakitnya seorang diri di hospital kerana saudara maranya juga

“ Kes pesakit yang sakit semula apabila pulang ke rumah kerana tidak ada orang yang membantu menguruskan mereka banyak berlaku. Mereka tidak mendapat sokongan daripada ahli keluarga. Jika ada perasaan kasih sayang, pasti perkara sebegini tidak berlaku ”

tinggal berjauhan. Kisah bujang tua ini begitu mencuit perasaan saya. Lelaki dalam usia lewat 40-an ini tinggal bersama abangnya yang sudah berkeluarga. Hampir setiap bulan masuk ke hospital kerana penyakitnya berulang apabila pulang ke rumah. Di hospital, semuanya terurus. Makan mengikut waktu, ubat diambil dengan betul dan krim disapu oleh jururawat.

Apabila di rumah, tiada siapa yang menguruskannya. Penyakitnya yang hampir sembuh, bertambah buruk. Abang dan kakak iparnya tidak sanggup mengurusnya kerana mempunyai urusan sendiri. Akhirnya lelaki ini dihantar ke rumah kebajikan. Kes pesakit yang sakit semula apabila pulang ke rumah kerana tidak ada orang yang membantu menguruskan mereka banyak berlaku. Mereka tidak mendapat sokongan daripada ahli keluarga. Jika ada perasaan kasih sayang, pasti perkara sebegini tidak berlaku.

Baru-baru ini, saya menerima e-mel daripada seorang lelaki yang baru dua tahun mendirikan rumah tangga dan belum mempunyai cahaya mata. Dalam e-melnya, lelaki ini memberitahu rumah tangganya

goyah selepas isterinya menghidap sejenis penyakit kronik sejak setahun lalu. Katanya, badan isterinya kerap lemah dan pergerakannya terbatas. Keadaan itu menyebabkan si isteri tidak dapat melakukan banyak kerja rumah dan tugas itu terpaksa dilakukan si suami.

Perasaan lelaki itu berserabut dan ia mengganggu prestasi kerjanya. Beliau yang mendakwa pengikut setia ruangan ini, berkata keadaan isterinya sama seperti saya. Nasihat pertama saya kepada lelaki ini adalah reda dengan keadaan itu. Itu adalah ketentuan daripada Allah kepada umatnya dan sabar menghadapi ujian ini.

Saya juga meminta lelaki itu supaya memberikan kasih sayang tidak berbelah bahagi kepada isterinya. Si isteri sangat memerlukan sokongan suami dalam melawan penyakitnya. Saya juga meminta lelaki itu banyak berdoa dan berzikir kepada Allah. Ada yang berkata jika hendak mencari kesetiaan dan kasih sejati, tunggu masa sakit. Inilah masanya untuk membuktikan kesetiaan dan menunjukkan kasih sayang – sehidup semati, susah senang dihadapi bersama.